

PM arah henti guna barang import dalam acara rasmi

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua jabatan kerajaan tidak menggunakan barangan import, terutama makanan dalam acara rasmi bagi menggalakkan penggunaan produk tempatan.

Perdana Menteri berkata, penggunaan bahan tempatan dalam acara kerajaan bukan sahaja menyokong ekonomi nega-

ra, tetapi turut memberi peluang lebih luas kepada petani tempatan untuk memasarkan hasil mereka.

“Kalau seluruh jabatan kerajaan (ikut arahan ini), maknanya peluang petani untuk mengeluarkan bahan-bahan tempatan lebih banyak,” katanya.

Anwar membandingkan amalan itu dengan negara jiran yang

tegas dalam penggunaan bahan makanan tempatan dalam setiap majlis rasmi.

“Laos, Vietnam, Thailand, saya belum pernah makan dalam upacara rasmi jemputan kerajaan-kerajaan ini daripada bahan makanan import. Tidak ada, secara automatik mereka pastikan makanan tempatan,” katanya.